

Pasukan Everest Singapura berangkat hari ini

► **NUR ADILAH MAHBOB**
adilaham@sph.com.sg

EMPAT warga Singapura akan cuba menawan puncak tertinggi dunia – Gunung Everest – bagi menyambut ulang tahun ke-50 negara ini.

Pasukan itu, yang berangkat hari ini, terdiri daripada guru Nur Yusrina Ya'akob, 27 tahun; lulusan baru Universiti Pengurusan Singapura (SMU), Encik Seumas Yeo Jian Wen, 26 tahun; dan pasangan adik-beradik Ismail, 36 tahun, dan Zulkifli Latiff, 42 tahun, kededuanya pegawai Pasukan Pertahanan Awam Singapura (SCDF).

Mereka akan mendaki selama lapan minggu ke kem pangkalan Everest dan kemudian ke kem satu, dua dan tiga.

Mereka memulakan pendakian ke puncak setinggi 8,848 meter itu pada 20 Mei dan menyasarkan menawan Everest pada 28 Mei.

Akhbar ini kali pertama melaporkan tentang ekspedisi pasukan tersebut, yang kini digelar Aluminaid Team Singapura Everest, pada 2013.

Pasukan itu merancang pendakian mereka seawal 2010, dan membuat persiapan dengan mendaki beberapa gunung lain termasuk Gunung Shiti Dhar di India (5,251 meter) dan Island Peak (6,189 meter), Mera Peak (6,467 meter) serta Cho Oyu (8,201 meter) di Nepal.

"Pada 2008, saya melihat Gunung Everest dari puncak Mera Peak dan fikir, satu hari saya juga akan berdiri di puncak Everest.

"Saya tak percaya saya kini benar-benar akan ke sana untuk cuba menawannya," ujar Cik Nur Yusrina, guru sekolah rendah yang menjadi ketua bersama pasukan itu.

Seorang lagi ketua bersama, Encik Muhammad Hilwan Mohamed Idrus, 27 tahun, tidak dapat menyertai ekspedisi tersebut kerana mengalami angin ahmar kecil semasa mendaki Cho Oyu tahun lalu.

Beliau akan membantu pasukan tersebut dari Singapura.

Pada 2013, akhbar ini melaporkan pasukan itu



MISI TAWAN EVEREST: (Dari kiri) Encik Zulkifli Latiff, Encik Seumas Yeo Jian Wen, Encik Muhammad Hilwan Mohamed Idrus, Encik Ismail Latiff dan Cik Nur Yusrina Ya'akob. Encik Hilwan tidak akan ikut serta ke Everest selepas mengalami strok semasa mendaki gunung di Nepal sebagai latihan bagi misi Everest tahun lalu. – Foto ALUMINAID

mencari penaja bagi membiayai ekspedisi tersebut.

Mereka terpaksa mengeluarkan \$27,600 daripada kocek sendiri bagi ekspedisi lain sebagai sebahagian persiapan pendakian itu.

Sekarang mereka telah mendapat beberapa syarikat menaja ekspedisi itu, yang menelan belanja sekitar AS\$160,000 (\$218,000).

Syarikat itu termasuk firma alat perubatan Aluminaid, pembekal bahan binaan Samwoh Corporation, firma pelaburan Quantedge, syarikat penghantaran Miles N Molanders, dan seorang rakan kongsi syarikat pelaburan, Encik Tan Chin Hwee.

Mereka turut disokong Singtel, SilkAir, Yayasan Masyarakat Singapura dan Singapore Press Holdings.

Pasukan tersebut turut mengenang pemergian Perdana Menteri Pengasas Lee Kuan Yew, yang meninggal dunia kelmarin, dua hari sebelum keberangkatan pasukan itu.

"Kami tidak akan meratapi kehilangannya tetapi kami akan merai kehidupannya," ujar Encik Hilwan.

Jika pasukan itu berjaya, mereka akan menjadi anak Melayu Singapura pertama menawan Gunung Everest.